**Publication: Berita Harian, Pg 04**
**Date: 21 September 2018**
**Headline: Anwar: 'Not right' to compare Singapore's political situation with Malaysia's**

# Anwar: Usah samakan Singapura dengan Malaysia

▶ SALIM OMAR ISMAIL
soi@sph.com.sg

SINGAPURA tidak boleh dibandingkan dengan Malaysia kerana Singapura tidak menghadapi 'kegagalan' seperti yang dihadapi negara itu.

Menyatakan demikian, bakal perdana menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata di Singapura "orang tidak bercakap tentang penyakit rasuah atau diskriminasi".

Membandingkan Singapura dengan Malaysia adalah tidak betul kerana Malaysia berada di tahap di mana sesuatu perlu dilakukan.

Beliau berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ceramah dalam acara Siri Ceramah Kepimpinan Ho Rih Hwa di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) semalam.

Seorang pelajar maktab rendah (JC) telah bertanya apakah yang diperlukan bagi mengadakan pembaharuan politik di Singapura.

Datuk Anwar juga berkata perubahan politik Singapura ialah perkara yang harus ditentukan oleh rakyatnya sendiri.

Baru-baru ini, sejarawan Singapura Thum Ping Tjin mencetuskan tengkarah selepas bertemu Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad bersama beberapa orang.

Dalam tulisannya, Dr Thum meminta Dr Mahathir "mengambil kepimpinan di Asia Tenggara untuk mempromosikan demokrasi, hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan kebebasan maklumat".

Mereka juga mengundang Dr Mahathir merasmikan sidang tahun depan mengenai isu membuka ruang demokratik di Asia Tenggara.

Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang K. Shanmugam berkata itu tindakan mengundang orang asing agar campur tangan dalam politik dalaman Singapura – sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali.

Semasa memulakan sesi soal jawab itu, pemudah cara yang juga pengerusi SMU, Encik Ho Kwon Ping, bertanya mengapa Datuk Anwar berkata, semasa menyampaikan ucapan pada Sidang Puncak Singapura minggu lalu, bahawa antara negara pertama yang beliau akan lawati apabila menjadi perdana menteri kelak ialah Singapura.

Datuk Anwar, bakal presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang dijangka menggantikan Dr Mahathir sebagai perdana menteri, berkata Singapura jiran terdekat Malaysia, justeru tidak harus ada masalah bagi beliau melawat negara ini.

Lebih penting, tambahnya, ialah hubungan sejarah, budaya, ekonomi dan perdagangan antara dua negara itu.

Beliau berkata kedua-dua negara akan mendapat manfaat besar jika hubungan dua hala dalam keadaan baik.

Keadaan sebegitu akan mewujudkan kemantapan dan memudahkan masalah dihuraikan bersama.

Datuk Anwar juga berkata ada orang memandang Dr Mahathir sebagai seorang yang tidak bersikap sebagai rakan Singapura.

Sebenarnya, hal tersebut tidak benar walaupun perdana menteri itu mempunyai pandangannya sendiri mengenai sebahagian perjanjian.

Malah, ujarnya, Dr Mahathir menggalak menteri Malaysia melawat Singapura.

Datuk Anwar juga berkata isu antara Malaysia dengan Singapura harus dihuraikan sebagai kawan dan jiran.

Semasa menjawab soalan mengenai menghentikan tindakan afirmatif yang berdasarkan kaum untuk membantu golongan susah tidak kira kaum di Malaysia, Datuk Anwar berkata itu terdapat dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) yang kini memerintah Malaysia.

Bahkan, gabungan empat parti politik itu tidak akan memungkirinya.

Namun, beliau berkata sebelum pengagihan semula kekayaan dapat dijalankan, negara harus mencapai pertumbuhan ekonomi.

"Jika anda tidak mencapai pertumbuhan, anda menyebarkan kemiskinan," katanya.




**BERKONGSI PANDANGAN:** Datuk Seri Anwar Ibrahim *(kanan)* menjawab soalan hadirin, dengan disaksikan pengerusi Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Ho Kwon Ping, selepas menyampaikan ceramah bertajuk 'Kepimpinan dalam Abad ke-21' dalam 'Siri Ceramah Kepimpinan Ho Rih Hwa' anjuran universiti itu semalam. – Foto BH oleh KELVIN CHNG